

ZON

www.bharian@bh.com.my

Peluang 'terakhir' pesakit leukemia

CAR-T kaedah baharu lebih berkesan rawat pesakit kanser darah

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.az@bh.com.my

Berdasarkan Malaysia National Cancer Registry Report, leukemia adalah kanser keenam paling kerap dihadapi orang dewasa dan yang lazim dalam kalangan kanak-kanak.

Leukemia adalah sejenis kanser darah yang berasal daripada sum-sum tulang. Terdapat beberapa jenis leukemia dan data menunjukkan, kanak-kanak lebih cenderung dengan 95 peratus mengalami leukemia lymphocytic akut (ALL).

ALL adalah yang paling biasa

terdapat pada kanak-kanak dan ia boleh berulang walaupun dirawat.

Pelbagai kaedah bagi rawatan leukemia lebih intensif antaranya merangkumi kemoterapi, terapi radiasi dan pemindahan tulang sum-sum.

CAR-T bunuh sel kanser

Kini terdapat kaedah baharu di negara ini yang lebih berkesan merawat leukemia, iaitu menggunakan sel Chimeric Antigen Receptor-T (CAR-T).

Rawatan itu sedang dilaksanakan Pusat Terapi Sel Hospital Caroleer Tuanku Muhriz (HCTM) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Plutonet Sdn Bhd, baru-baru ini.

MoU itu bertujuan mengoptimumkan potensi fungsi aplikasi klinikal menggunakan sel Chimeric Antigen Receptor-T (CAR-T) dalam rawatan ALL.

Setiap tahun, HCTM menerima 25 kes kanak-kanak

penghidap kanser darah.

Ketua Pusat Terapi Sel HCTM, Prof Dr S Fadilah Abdul Wahid, berkata penggunaan sel CAR-T sesuai untuk merawat pesakit ALL yang tidak pulih selepas dirawat menerima kaedah kemoterapi atau kebal terhadap rawatan itu.

Katanya, rawatan ALL dilakukan dengan menyuntik sel CAR-T dalam tubuh pesakit sekali sahaja dengan menggunakan mesin apheresis.

"CAR-T adalah kaedah terakhir untuk pesakit buat masa ini. Jadi mereka yang mempunyai masalah dengan kemoterapi, boleh mencuba rawatan ini.

"CAR-T bertindak untuk kenal pasti dan seterusnya membinasakan sel kanser. Mengikut data disiar pada 2017, rawatan ini mampu membantu menyelamatkan nyawa mereka yang mana kebarangkalian untuk mencapai kadar pengemitan penuh (complete remission) adalah baik, iaitu pada 70 peratus," katanya.

Ada kesan sampingan

Dr S Fadilah berkata, sebelum menerima rawatan, pesakit ALL perlu melepasi beberapa fasa antaranya perlu disaring terlebih dahulu bagi memastikan individu berkenaan layak dan sesuai.

Hanya pesakit ALL, berumur 13 tahun ke atas layak mendapatkan rawatan CAR-T.

Katanya, walaupun rawatan ini

mempunyai keberkesanan yang tinggi, namun pesakit perlu melalui detik getir apabila terpaksa berdepan dengan dua kesan sampingan berbahaya dan boleh membawa maut.

Kesan sampingan pertama adalah sindrom pelepasan Sitokin (CRS) iaitu bentuk sindrom tindak balas keradangan sistemik (SIRS).

"Ia berlaku apabila sejumlah besar sel darah putih diaktifkan dan melepaskan sitokin yang meradang.

"Kesan sampingan kedua adalah Neurotoxicity yang merujuk kepada kerosakan pada otak atau sistem saraf periferi disebabkan oleh pendedahan kepada bahan toksik seperti jati atau buai manusia sebirigga mengubah aktiviti sistem saraf dengan cara mengganggu atau membunuh saraf," katanya.

Bellau berkata, pihak hospital akan melakukan saringan terlebih dahulu untuk mengenal pasti sama ada pesakit sesuai atau tidak menjalani rawatan ini.

Lihat muka 36

